

04 AUG 1999

KDNK-MAHATHIR

KDNK SUKU KEDUA MUNGKIN ANTARA 2-3 PERATUS, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 4 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata keluaran dalam negara kasar (KDNK) bagi suku kedua tahun ini mungkin meningkat antara 2.0 dan 3.0 peratus.

"Saya rasa ia pasti positif, bukan negatif, antara 2.0 dan 3.0 peratus, tetapi saya tak dapat sahkan," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Majlis Perundingan Ekonomi Kedua (Mapen II) di sini hari ini.

Unjuran pertumbuhan 2-3 peratus itu adalah petanda jelas bahawa ekonomi semakin pulih selepas kemelesetan perit tahun lalu apabila ia menguncup sebanyak 7.5 peratus dan margin yang lebih kecil sebanyak 1.3 peratus dalam suku pertama tahun ini.

Bank Negara menyatakan baru-baru ini bahawa negara telahpun keluar dari kemelesetan memandangkan pertumbuhan KDNK sebanyak 1.4 peratus yang dicatat dalam tempoh Februari hingga Mac tahun ini berbanding tempoh yang sama dalam tahun 1998.

Para penganalisis mengaitkan pemulihan pantas Malaysia kepada Pelan Pemulihan Ekonomi Negara yang merangsang kegiatan perniagaan dan kawalan modal terpilih yang melindungi ekonomi daripada ketidakstabilan kewangan.

Mengenai kemungkinan dana mengalir keluar secara besar-besaran mulai 1 Sept, 1999 apabila tempoh levi ke atas penghantaran pulang modal asing tamat, beliau berkata "Jika mereka mahu membawa keluar wang mereka, kita benarkan."

Bagaimanapun, beliau berkata Malaysia telah menjana rizab antarabangsa yang mencukupi untuk menampung pengaliran keluar dana.

Beliau juga berkata kerajaan telah mengambil langkah-langkah bagi menarik pelaburan asing jangka panjang ke dalam negara.

Menyentuh tentang penyusutan 3.8 peratus di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) hari ini, beliau berkata ia turun sejajar dengan bursa-bursa lain di rantau ini.

Ditanya sama ada penggabungan lebih 20 bank tempatan kepada enam yang dirancang itu telah menyebabkan kejatuhan tersebut, Dr Mahathir berkata: "Pelabur-pelabur mencari alasan bila mereka mahu menjual dan memberi segala sebab yang boleh mereka fikirkan apabila mereka mahu membeli."

"Saya sudah beritahu mereka lama dulu, jangan dorong peningkatan pasaran terlalu tinggi kerana ini tidak baik. Harga-harga saham sepatutnya mencerminkan prestasi syarikat," katanya.

Beliau menambah kata bahawa penggabungan bank-bank tempatan kepada enam adalah diperlukan bagi membentuk bank-bank yang lebih kukuh dan lebih berdaya saing.

"Kita perlukan bank yang lebih kukuh. Saya rasa kita harus cuba," katanya.

Mengenai lawatannya ke China pada 18-20 Ogos, 1999 nanti, beliau berkata tujuan beliau ke sana ialah untuk mempertingkatkan lagi hubungan dua hala perdagangan dan pelaburan.

-- BERNAMA

AD KY MA